

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN JAWATANKUASA KEUTUHAN**  
**PENGURUSAN, DI HOTEL EQUATORIAL, MELAKA**  
**20 OGOS 2001**

-----

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita semua dapat berhimpun dalam Majlis Perasmian Konvensyen JKP bagi tahun 2001, Konvensyen JKP kali keempat diadakan semenjak tahun 1998. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pengarah BPR dan kepada Ketua Pengarah MAMPU, kerana sudi menjemput saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan Konvensyen JKP 2001 ini.

2. Saya juga mengucapkan syabas dan penghargaan kepada pihak BPR selaku Penyelaras JKP, kerana telah menjadikan Konvensyen ini sebagai agenda tetap tahunan yang dapat menghimpunkan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan agensi kerajaan, Ketua-ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun Persekutuan, serta Urusetia- urusetia JKP di peringkat masing-masing. Selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKMKPK), saya amat berbangga melihat Urusetia Bersama Jawatankuasa Khas Kabinet ini iaitu BPR dan MAMPU telah dapat meneruskan usaha-usaha pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia secara keseluruhannya, khususnya berkaitan pemantapan integriti, akauntabiliti dan ketelusan (transparency)

**PERANAN PENTING PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

4. Tidak berapa hari lagi kita akan menyambut Hari Ulangtahun Kemerdekaan kita yang ke-44 tahun. Di Bandar Melaka, khasnya di Padang Bandar Hilir telah bergema sorakan merdeka yang dilaungkan oleh puluhan ribu manusia yang membanjiri padang tersebut. Di padang inilah Tunku Abdul Rahman (almarhum) telah memberi ucapan bersejarah membaca pengisytiharan Kemerdekaan Malaya. Setelah mencapai kemerdekaan, matlamat utama kerajaan adalah untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang makmur dan bersatupadu, berasaskan kepada sistem demokrasi berparlimen. Bagi memastikan azam dan iltizam murni ini tercapai, pelbagai dasar baru digubal dan dilaksanakan. Semenjak usaha-usaha pembaharuan dan pembangunan itu dilaksanakan, pelbagai kejayaan telah dinikmati. Hasilnya, kesejahteraan rakyat dan negara yang terdiri dari masyarakat majmuk dapat dikecapi dan sentiasa terpelihara.

5. Daripada pengalaman kita, selain dari penggembelangan usaha pemerintah dan pelbagai pihak bagi merealisasikan kejayaan pembangunan negara hingga kemajuan yang dinikmati sekarang, saya beranggapan Perkhidmatan Awam Malaysia adalah tulang belakang kepada kejayaan ini. Jentera perkhidmatan awam menjadi suatu daya pemangkin yang unggul bagi menerajui kegiatan-kegiatan pembangunan ekonomi dan sosial. Kerana prestasi dan dinamikanya Perkhidmatan Awam Malaysia, kita dapat menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang sihat, pengagihan pendapatan, kestabilan, kebajikan dan kesejahteraan negara dapat terus dijamin. Namun begitu, perkhidmatan awam perlu sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kecekapan dan ketelusan dalam misinya sebagai sebuah jentera penting pentadbiran dan

pengurusan Kerajaan. Secara ikhlas saya nyatakan bahawa kerajaan amat berbangga dengan peranan yang tuan-tuan dan puan-puan mainkan selaku teraju dan pemangkin kemajuan.

#### GERAKAN PEMANTAPAN KEUTUHAN SISTEM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN MALAYSIA

6. Walau bagaimanapun, sebagai usaha berterusan bagi memastikan kejayaan masa panjang akan terus diperolehi, di samping bagi menangani sebilangan kecil elemen-elemen yang bersifat negatif yang wujud di kalangan anggota dan agensi kerajaan, atau yang masih perlu diperbaiki lantaran aduan-aduan atau komplek daripada pelanggan dan pengguna, maka usaha pembaikan dan pembaharuan berterusan dilaksanakan. Antara aspek kelemahan yang masih didapati wujud adalah kerana masalah-masalah yang berkaitan dengan integriti, akauntabiliti dan ketelusan anggota perkhidmatan awam yang berkaitan dengan salah laku seperti jenayah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

7. Kerajaan menyedari bahawa pembanterasan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa serta lain-lain salah laku oleh penjawat awam secara berkesan untuk jangka panjang tidak akan berjaya dengan penguatkuasaan undang-undang yang ketat sahaja. Oleh kerana itulah, antara mekanisme yang telah diwujudkan oleh kerajaan bagi memastikan kecekapan dan ketelusan dalam pentadbiran awam akan sentiasa berterusan ialah melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 iaitu suatu usaha yang dikenali sebagai Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia iaitu dengan penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan atau ringkasnya JKP. Jawatankuasa ini diwujudkan di semua peringkat iaitu kementerian, jabatan dan agensi persekutuan, negeri dan daerah, yang telah dilancarkan sendiri oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Januari 1998.

#### OBJEKTIF JAWATANKUASA KEUTUHAN PENGURUSAN (JKP)

8. Objektif JKP adalah untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan Perkhidmatan Awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang paling tinggi dengan mempertingkatkan amalan nilai-nilai murni di samping berusaha mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan terutamanya dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh peraturan, perundangan serta agama.

9. Arahan ini menghendaki ketua-ketua jabatan Kerajaan di pelbagai peringkat untuk menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) masing-masing agar usaha-usaha pembanterasan rasuah dan penyelewengan di kalangan pegawai badan awam ditangani secara menyeluruh, bersepadu, terancang dan berterusan. Dalam pada itu, melalui JKP ini juga ketua-ketua jabatan dikehendaki memberi perhatian kepada usaha-usaha mengatasi kelemahan-kelemahan dalam semua aspek bidang pentadbiran bagi meningkatkan kawalan dalaman, kecekapan, ketelusan, integriti dan akauntabiliti dalam perkhidmatan jabatan masing-masing.

10. Saya berpendapat usaha-usaha pembanterasan rasuah akan lebih berkesan sekiranya gejala tersebut ditangani secara menyeluruh, bersepadu dan terancang serta merangkumi bukan sahaja aspek-aspek pencegahan rasuah, tetapi juga aspek kecekapan, ketelusan, integriti dan akauntabiliti dalam pentadbiran kerajaan. Dasar dan strategi terbaru yang digunakan oleh Kerajaan adalah dengan pengembelian

seluruh jentera Kerajaan dalam usaha-usaha itu. Menyedari betapa pentingnya penglibatan dan komitmen pemimpin-pemimpin politik dalam gerakan integriti ini, Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 itu telah menetapkan supaya JKP Kerajaan Negeri diterajui sendiri oleh YAB Menteri Besar/Ketua Menteri.

#### PERANAN BERSAMA MENCEGAH RASUAH

11. Usaha mencegah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa adalah tanggungjawab bersama dan bukanlah tanggungjawab BPR sahaja. Pembanterasannya jenayah rasuah yang berkesan memerlukan satu gerakan menyeluruh dan melibatkan semua pihak di pelbagai peringkat. BPR hanyalah satu Badan yang dibentuk oleh kerajaan untuk merangka dan menyusun strategi serta melaksanakan tindakan-tindakan pencegahan rasuah melalui penguatkuasaan undang-undang dan juga melalui aktiviti perhubungan masyarakat. Namun begitu, segala usaha dan strategi yang dirangka tidak akan berkesan tanpa sokongan dan kerjasama daripada setiap lapisan masyarakat. Kesan buruk jenayah rasuah bukan sahaja akan merosakan pelaku-pelakunya sahaja, bahkan akan turut meruntuhkan negara. Begitu juga dengan peranan semua ketua jabatan dan pemimpin yang mesti memastikan tiadanya kepincangan berlaku dalam jabatan masing-masing.

12. Berdasarkan maklumbalas yang diperolehi, saya mendapati bahawa Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 telah diterima sebagai pelengkap kepada langkah-langkah kemajuan pentadbiran Kerajaan yang telah diperkenalkan sebelum ini. Sebagaimana kita semua sedia maklum, JKP dibentuk berasaskan kepada prinsip-prinsip menyeluruh, sistematik, bersepadu dan berterusan. Penubuhan JKP di semua peringkat bertujuan supaya usaha-usaha memperbaiki kelemahan pentadbiran, pengurusan kewangan, pembanterasannya jenayah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di kalangan anggota pentadbiran kerajaan dapat dipertingkatkan oleh agensi-agensi Kerajaan secara dalaman dan menyeluruh, merangkumi aspek-aspek kecekapan, ketelusan, integriti dan akauntabiliti.

#### USAHA PEMBANGUNAN NEGARA

13. Pada pertengahan tahun 1997 negara kita telah dilanda serangan ekonomi secara kewangan dan perdagangan. Kita berjaya keluar dari kegawatan tersebut dan pada hari ini ekonomi negara terus pulih. Kita berjaya hadapinya kerana kebijaksanaan dan keberanian YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah mengambil langkah-langkah yang diasaskan kepada ramuan dan formula sendiri. Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah 'preemptive' bagi mengatasi kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan juga jiran kita. Semua langkah ini adalah sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Kerajaan juga sedang, telah dan akan terus melaksanakan Program-program Pembaharuan Ekonomi seperti yang telah diputuskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Majlis Perunding Ekonomi (MAPEN), termasuklah langkah-langkah untuk terus memperkukuhkan ekonomi negara.

14. Salah satu faktor yang membantu negara kita dapat keluar dari kegawatan ekonomi ini adalah disebabkan negara mempunyai pentadbiran awam yang berintegriti tinggi dan cekap. Syabas sekali lagi saya ucapkan kepada Perkhidmatan Awam Malaysia. Namun begitu, perjuangan ini masih belum selesai kerana masih banyak tindakan yang perlu dilakukan. Anggota dan organisasi Perkhidmatan Awam perlu terus bekerja kuat untuk memastikan dan menyegerakan pelaksanaan projek-

projek pembangunan yang telah diluluskan, sama ada yang bertaraf kecil, sederhana mahupun besar. Adalah diyakini, pelaksanaan pembangunan dalam kadar yang segera akan dapat menjamin pertumbuhan aktiviti ekonomi yang cergas.

#### KOMITMEN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

15. Bagi meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran kewangan, saya menyeru supaya semua anggota Perkhidmatan Awam Malaysia untuk mengambil inisiatif dan memberi sepenuh komitmen untuk menyegerakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Kelewatan akibat sikap sambil lewa, melengah-lengahkan atau menangguhkan kerja akan memberi peluang kepada pegawai yang tidak jujur untuk mengambil kesempatan melakukan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Teguran dan aduan-aduan yang masih didapati berlaku dan berulang kali di ketengahkakan perlu diatasi segera. Faktor-faktor keutuhan mestilah terus dikekalkan dan dijadikan benteng di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita.

16. Pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran dan pengurusan Perkhidmatan Awam akan dapat membantu kerajaan dalam merealisasikan misi yang hendak kita perolehi, khususnya ke arah pencapaian Wawasan 2020. Peningkatan keutuhan Perkhidmatan Awam dapat mengurangkan pembaziran di dalam perbelanjaan, kutipan hasil yang lebih cekap dan berkesan akan memberikan pulangan dalam aspek pendapatan kerajaan, dan apa yang lebih penting lagi ialah keyakinan masyarakat terhadap kerajaan dan pandangan positif masyarakat antarabangsa terhadap kepimpinan kerajaan dan negara.

17. Sehubungan dengan itu, untuk menentukan kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan JKP, semua Pengerusi JKP sama ada di peringkat Kementerian mahupun Kerajaan Negeri, perlulah memainkan peranan penting dengan menerajui usaha-usaha melalui mekanisme pelaksanaan JKP di peringkat masing-masing. Saya meminta semua Pengerusi JKP dan Ketua-Ketua Jabatan supaya mempengerusikan sendiri mesyuarat-mesyuarat JKP di peringkat masing-masing dan menentukan bahawa mesyuarat diadakan pada masa-masa yang telah ditetapkan serta tidak gagal di dalam menyedia dan melaporkan maklumbalas kepada Penyelaras JKP setiap tiga bulan sekali sebagai suatu usaha pemantauan yang cekap dan berkesan.

18. Melalui mekanisme JKP ini, Ketua-ketua Jabatan diharapkan dapat mengenalpasti isu-isu dan masalah yang dapat membantu mereka meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan jabatan sekaligus mengurangkan masalah dan kelemahan-kelemahan pentadbiran, unsur-unsur dan gejala salah guna kuasa, rasuah dan penyelewengan. Bagi menentukan jabatan dapat mengenalpasti isu-isu dan masalah-masalah tersebut, Ketua-ketua Jabatan mestilah mengambil sikap terbuka. Aduan, teguran dan cadangan daripada orang awam dan pegawai-pegawai dalam jabatan hendaklah dilihat sebagai satu proses memberi maklumbalas yang membina, positif dan ke arah penambahbaikan. Oleh yang demikian gunakanlah maklumbalas ini bagi memperbaiki kelemahan pentadbiran yang ada di dalam organisasi masing-masing.

19. Saya juga amat berharap supaya semua Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha Kerajaan Negeri serta Urusetia-Urusetia JKP masing-masing mengkaji laporan-laporan maklumbalas yang dihantar oleh agensi- agensi di bawah kawalannya. Tindakan ini penting kerana melalui saluran inilah isu-isu dan kelemahan- kelemahan dapat dikenalpasti.

## MEKANISME KAWALAN DALAMAN UNTUK MENCEGAH RASUAH

20. Membanteras jenayah rasuah adalah suatu usaha yang terlalu sukar. Penguatkuasaan undang-undang rasuah oleh pihak BPR sahaja, tidak akan mampu untuk membendung perkembangan gejala ini. Mekanisme penghalang amalan rasuah yang sebenarnya terdapat dalam diri manusia itu sendiri. Benteng pertahanan yang lahir hasil dari keimanan, ketaqwaan, ilmu, amal dan pengamalan kehidupan yang mulia merupakan "BPR" atau "Polis" yang lebih berkesan untuk mengekang amalan rasuah dalam diri setiap manusia. Dengan kata lain, perlu diwujudkan "BPR" atau "Polis" (the policemen within) dalam setiap diri seseorang itu yang akan mengawal segala tingkahlaku, yang tentunya akan dikawal oleh akal dan bukan oleh nafsu yang meruntun segala bentuk kemewahan sementara. Allah s.w.t. berfirman,

"Sesiapa yang menghendaki kesenangan hidup dunia, Kami akan segerakan kepadanya dalam dunia apa yang Kami kehendaki, bagi sesiapa yang Kami kehendaki. Kemudian Kami sediakan baginya neraka Jahannam di akhirat kelak, untuk membakarnya dalam keadaan yang hina lagi tersingkir dari rahmat Allah. (Al-Israa' : Ayat 18) Apabila manusia dapat meyakini bahawa diri dan perbuatannya dilihat dan dinilai oleh Allah sepanjang hayatnya, insyaAllah manusia akan menjauhi kemungkaran dan perbuatan rasuah. Sebaliknya seseorang itu akan sentiasa insaf betapa mungkin dia akan membawa pulang ke rumah dengan harta dari rezeki yang haram dan disuapkan ke mulut anak-isteri dan keluarganya.

21. Ketegasan dan komitmen para pemimpin selaku ketua jabatan membawa perubahan dalam usaha meningkatkan integriti di kalangan warga agensi di bawah sempadan kuasa masing-masing. Ianya merupakan faktor penentu utama atau critical success factor kepada kejayaan di dalam gerakan yang menyeluruh ini. Tindakan pemimpin dalam sesebuah organisasi akan menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu tindakan. Kita perlu melaksanakan ketelusan atau transparent bila berhadapan dengan isu- isu ke arah mensejahterakan rakyat. Kita juga mestilah tidak menyembunyikan kelemahan-kelemahan kita hanya semata-mata untuk menjaga imej jabatan dengan sweeping under the carpet segala kelemahan. Sebaliknya para pemimpin perlu peka kepada perubahan dan mendapatkan khidmat rundingan mana-mana pihak berkaitan yang boleh membantu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.

22. Sebagai pegawai-pegawai atau pemimpin badan awam, kita semua memegang amanah yang besar - berasaskan kuasa-kuasa yang ada pada jawatan-jawatan kita. Lagi tinggi jawatan kita, lagi luas kuasa kita, maka lebih beratlah amanah dan tanggungjawab yang kita pikul. Jika pemimpin dan ketua jabatan tidak amanah, menyalahgunakan kuasa dan melakukan penyelewengan, maka lebih buruk kesannya terhadap masyarakat dan negara. Sebagai anggota kerajaan, kita diamanahkan mentadbir negara ini sebaik mungkin berlandaskan kuasa, undang-undang dan peraturan. Jika setiap pemimpin dan pegawai Kerajaan jujur, cekap dan adil, nescaya, amalan yang baik akan menjadi ukuran dan amalan masyarakat keseluruhannya. Inilah pengaruh kuasa dan pengaruh kita untuk berbuat baik atau buruk. Allah S.W.T. telah berfirman:

Terjemahannya: "Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu)

manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan". (Surah Al-Ahzab : Ayat 72)

Justeru itu, peranan pemimpin dan kepimpinannya berupaya mencorakkan masa depan individu, jabatan, organisasinya dan seterusnya negara.

23. Akhir sekali, saya amat berharap semoga Konvensyen JKP 2001 yang diadakan selama dua hari ini akan dapat melahirkan idea-idea yang bernas bagi memperkemas dan melengkapkan lagi jentera pentadbiran awam. InsyAllah ianya akan dapat menjana ke arah melahirkan pengurusan Kerajaan yang bercirikan good governance. Tumpuan dan komitmen penuh dan padu daripada para peserta dan semangat perbincangan yang mesra tetapi bertenaga adalah perlu bagi menjaya dan merealisasikan objektif dan matlamat Konvensyen JKP ini.

24. Dengan lafaz Bismillahir Rahmaannir Rahiim, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan 2001.

Terima Kasih.